

Newspaper : **Kosmo!**Date : **20th October 2010**Title : **Projek Paling Mewah di Perak**Section : **Niaga** Page : **52**

Projek paling mewah di Perak

KUALA LUMPUR - The Haven, projek kondominium tepi tasik mewah di Tambun, Ipoh akan mempunyai nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM214 juta.

Disifatkan sebagai projek paling mewah di Perak, projek bangunan 26 tingkat dengan 489 unit itu dijangka menjadi penanda aras baru untuk hartanah mewah di Ipoh dan pada masa yang sama merencanakan sektor hartanah di negeri berkenaan.

Pemilik projek tersebut, Superboom Project Sdn. Bhd. (Superboom) telah memeterai perjanjian di mana Bina Puri Holdings dan Beijing Construction Engine-

ering akan menjadi kontraktor utama bagi projek kondominium itu.

Prinsipal Bersama The Haven Sdn. Bhd., Peter Chan berkata, bagi GDV yang bernilai RM214 juta itu ia berdasarkan kepada rangkaian harga unit yang ditawarkan iaitu di antara

RM300,000 sehingga RM1.7 juta seunit berdasarkan saiz. The Haven disasarkan siap pada tahun 2013.

Menurut beliau, kira-kira 80 peratus daripada Blok A dan 20 peratus Blok C bagi projek berkenaan telah dijual dan pembinaan bagi Blok B pula dijangka bermula dalam tempoh empat hingga enam bulan akan datang. - Bernama



LUKISAN artis projek The Haven yang mendapat sambutan menggalakkan daripada pelabur di Perak.

From : Group Corporate Communication Department
Date : 20th October 2010
Subject : Bina Puri News Update

“FOR STAFF INFORMATION & UPDATES”